

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 7 Jun 2023

Kes rabies di Indonesia sangat membimbangkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Global	30

Kes rabies di Indonesia sangat membimbangkan

JAKARTA - Kerajaan Indonesia mengeluarkan amaran mengenai bahaya penyakit rabies atau anjing gila yang kini membunuh puluhan orang pada tahun ini, lapor *Jakarta Post*.

Kementerian Kesihatan merekodkan 31,000 kes orang ramai digigit haiwan yang kebanyakan anjing sehingga April tahun ini.

Daripada jumlah itu, kira-kira 23,000 orang telah mendapatkan suntikan segera anti-rabies manakala 11 dilaporkan meninggal dunia dan kebanyakan dilaporkan di Bali, Nusa Tenggara Timur (NTT) dan Sulawesi Selatan.


Tahun lepas, terdapat kira-kira 104,000 kes individu digigit haiwan mempunyai penyakit rabies dan mengakibatkan 102 orang meninggal dunia yang dianggap paling tertinggi sejak

beberapa tahun kebelakangan ini.

"Pada 2020 dan 2021, ramai orang tinggal di rumah, jadi kurang kes gigitan haiwan rabies, tetapi pada 2022 apabila sekatan pandemik Covid-19 di-longgarkan orang ramai keluar rumah dan terdapat peningkatan kes itu," kata Pengarah Kenterian Kesihatan, Imran Pambudi.

Imran berkata, kira-kira 95 peratus jangkitan rabies pada manusia di Indonesia berpunca daripada anjing gila, manakala musang, rakun dan tikus menyumbang sebilangan kecil yang kes.

Rabies adalah penyakit endemik di 28 negara atau hampir 75 peratus di seluruh negara. Dua daerah di NTT, Sikka dan Timor Tengah Selatan telah mengisytiharkan kejadian luar biasa (KLB) penyakit tersebut. - *Agensi*.



Penyakit rabies berpunca daripada gigitan anjing, musang rakun dan tikus. - *Agensi*

-TERIMA KASIH-

DISEDIAKAN OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**